

Arahan: Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan **satu** soalan daripada Bahagian D.

BAHAGIAN A

(25 markah)

- 1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Shahrul memperoleh markah yang paling tertinggi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam ujian bulanan yang lalu.

- (ii) Perdana Menteri telah menghadap Yang Dipertuan Agong bagi mendapatkan persetujuan baginda tentang cadangan pelantikan senator yang baharu.

- (iii) Selain dipelawa untuk membuat uji pandu kenderaan model terkini, para pelanggan Syarikat Automobil Azmi turut ditawarkan potongan harga yang menarik.

- (iv) Keamanan dan kemakmuran yang kita sedang nikmati pada masa ini ialah hasil usaha dan pengorbanan generasi terdahulu.

(8 markah)

- 2 Dalam petikan dialog di bawah, terdapat **tiga** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan dialog itu semula.

Juruhebah A : Salam sejahtera. Kita bertemu kembali dalam rancangan bual bicara sukan tanahair. Rancangan ini dipancarkan dari Stesen Radio Bukit Jalil. Pada pagi ini kita akan menemu bual seorang ahli sukan acara skuasy yang telah berjaya menerima Anugerah Olahragawati Kebangsaan pada tahun 2014.

Juruhebah B : Untuk maklumat para pendengar, pra-syarat untuk seseorang ahli sukan menerima anugerah tersebut, mereka haruslah menempa pelbagai kejayaan dalam acara sukan yang disertai.

Juruhebah A : Jadi, pada pagi ini kita akan mendengar pandangan daripada atlet jemputan tentang kreteria untuk menjadi seorang ahli sukan yang berjaya seperti beliau.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____